



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KEMENTERIAN AKUI HARGA DEDAK NAIK, MUKA DEPAN, SH-1 HARGA KOMODITI BAHAN MENTAH NAIK, LAPORAN KHAS, SH-2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
3.	PENGUATKUASA SIASAT KES TUBA UDANG GALAH DI SUNGAI KEMAMAN, NASIONAL, SH-7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOA)
4.	KAWAL HARGA MAKANAN RUMINAN, LAPORAN KHAS, SH-3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	SAGU HATI TAK SETIMPAL KEPAYAHAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM-31 DULU HASIL TINGGI SELEPAS TUAI BAYAR ZAKAT, DALAM NEGERI, UM-31 MAIPS PERMUDAH URUSAN BAYARAN ZAKAT PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM-31 ADUN BANTU PESAWAH DAPAT SUMBER AIR BAWAH TANAH, PANTAI TIMUR, HARAKAH- H14 PENTERNAK TERPAKSA CATU MAKANAN, DALAM NEGERI, UM-29 DRY DAYS WILL YIELD BETTER DURIANS, NATIONS, THE STAR-7 MAK LONG MART TUMPU LUAR BANDAR, NIAGA, KOSMO-38 TIGA KONTRAKTOR KINI JADI PETANI, NEGARA, KOSMO-16 RAMPAS ENAM TAN BUAH SELUDUP, NEGARA, KOSMO-14 DAGING TEMPATAN DUANGKA NAIK HINGGA RM45 SEKILO, LAPORAN KHAS, SH-2	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.03.2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

Kenaikan harga makanan ternakan dipengaruhi oleh harga bahan mentah yang diimport sepenuhnya

LAPORAN KHAS

KEMENTERIAN AKUI HARGA DEDAK NAIK

- Berlaku kenaikan harga makanan ternakan sehingga empat hingga lima peratus.
- R&D hasilkan bahan mentah gantian yang bersesuaian dalam penghasilan makanan ternakan.
- Penternak gesa kerajaan kawal harga makanan ruminan yang naik sejak tahun lalu.



MUKA 2 & 3

“MAFI akan buat satu pelan cadangan intervensi di mana kerjasama strategik antara pelbagai jabatan dan agensi di bawahnya bersama pemain industri bagi meningkatkan pengeluaran jagung bijian tempatan secara komersil!” - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi



Harga komoditi bahan mentah naik

Punca harga makanan ternakan meningkat hingga 5 peratus

SHAH AJAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengesahkan berlakunya kenaikan harga makanan ternakan sehingga empat hingga lima peratus.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kenaikan itu berdasarkan maklum balas pemain industri dalam penternakan dan per satu an pengilang makanan ternakan.



CHE ABDULLAH

"Kenaikan harga makanan ternakan dipengaruhi oleh kenaikan harga komoditi bahan mentah utama makanan ternakan yang diimport sepenuhnya.

"Seperti jagung yang telah meningkat sebanyak 15.2 peratus kepada RM1,100 satu tan pada November berbanding RM955 satu tan pada April tahun lalu.

"Dan kacang soya yang telah meningkat sebanyak 9.4 peratus kepada RM2,100 satu tan pada November berbanding RM1,920 satu tan pada April tahun lalu," katanya menervisi satu kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Menurut Che Abdullah, harga bahan mentah makanan ternakan ditentukan oleh harga pasaran komoditi dunia.

Selain itu, katanya, terdapat juga tiga faktor lain iaitu pertama, Malaysia masih bergantung kepada pengimportan bahan mentah



Laporan Sinar Harian pada Rabu.

utama makanan ternakan seperti jagung bijian dari Argentina dan Brazil.

"Kedua, pengeluaran jagung bijian tempatan masih belum mencapai keperluan komersial pengilang dari segi kuantiti dan kualiti.

"Ketiga, tiada bahan mentah gantian yang bersesuaian bagi bahan mentah utama yang digunakan dalam makanan ternakan terutamanya untuk ayam pedaging dan penelur," katanya.

Che Abdullah berkata, MAFI akan membuat satu pelan cadangan intervensi di mana kerjasama strategik antara pelbagai jabatan dan agensi di

bawahnya bersama pemain industri bagi meningkatkan pengeluaran jagung bijian tempatan secara komersial.

"Dan kajian lebih menyeluruh berkaitan kos rawatan penyakit serta meningkatkan kualiti jagung bijian tempatan yang kos pengeluarannya dapat memenuhi keperluan pengilang makanan ternakan," katanya.

Beliau berkata, antara cadangan intervensi lain adalah mendapatkan sumber bekalan bahan mentah makanan ternakan dari negara jiran seperti Indonesia dan Thailand berbanding Brazil dan Argentina bagi mengurangkan kos logistik.

Katanya, pelan lain adalah dengan mempergiat usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan bagi menghasilkan dan memperkenalkan bahan mentah gantian yang bersesuaian dalam penghasilan makanan ternakan khususnya untuk makanan ayam (pedaging dan penelur).

Sinar Harian pada Rabu melaporkan mengenai rungutan penternak di Malaysia yangimbang dengan kenaikan harga dedak sehingga lebih enam kali sejak lebih setahun lalu.

Daging tempatan dijangka naik hingga RM45 sekilo



Harga daging tempatan dijangka alami peningkatan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

PUCHONG – Harga daging tempatan dijangka naik sehingga RM45 sekilogram menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Penternak lembu, Zainal Azhar Mohamed, 36, berkata, ia berikutan kenaikan harga dedak ternakan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan Mac tahun lalu.

"Pihak kilang ada alasan sendiri bila ditanya mengenai kenaikan harga dedak, orang tengah pun mungkin punca harga naik.

"Kalau sebelum ini seguni dedak saya boleh dapat pada harga RM54, sekarang harganya sudah mencapai RM58," katanya.

Zainal berkata, ketika ini harga daging tempatan sudah mencecah RM40 sekilogram dan tidak menolak kemungkinan akan mencapai RM45 sekilogram menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Isu kartel baru-baru ini menyebabkan pengguna kembali membeli daging tempatan dan dengan bertambahnya harga dedak, tidak mustahil harga daging akan naik lagi. Namun ia bergantung kepada kawasan dan permintaan.

"Sekarang pun harga daging sudah naik di beberapa negeri termasuk Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Desa Selatan Beef Sdn. Bhd, Kamaruzzaman Abdul Jalil berkata, terdapat banyak sumber negara import yang membekalkan lembu seperti Thailand dan Australia namun difahamkan kemasukan bekalan lembu dari Thailand pada tahun ini berkurangan.

"Peratus ternakan lembu tempatan sangat kecil tidak mampu menampung permintaan tinggi terhadap daging segar.

"Justeru, penternak akan membeli lembu pada usia setahun hingga dua tahun dari Thailand dan Australia untuk difidolkan.

"Lembu itu akan diberi makan dan dijaga dalam tempoh setahun hingga dua tahun sehingga mencapai berat sepatutnya sebelum disembelih," katanya.

JADUAL WAKTU SOLAT

Sinar

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERIS	6:22	7:30	1:33	4:48	7:32	8:42
ALOR SETAR	6:22	7:28	1:33	4:49	7:32	8:41
PULAU PINANG	6:21	7:28	1:33	4:48	7:32	8:42
IPOH	6:19	7:24	1:30	4:45	7:31	8:40
KOTA BHARU	6:14	7:23	1:25	4:41	7:25	8:30
KUALA TERENGGANU	6:10	7:18	1:21	4:36	7:21	8:31
KUATUH	6:10	7:18	1:22	4:35	7:23	8:28
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:16	7:22	1:28	4:42	7:29	8:38
SHAH ALAM	6:16	7:22	1:28	4:42	7:29	8:38
SEREMBAN	6:14	7:22	1:26	4:39	7:27	8:36
BANGSAR MELAKA	6:13	7:21	1:25	4:38	7:27	8:36
JOHOR BAHRU	6:06	7:15	1:19	4:31	7:21	8:30

Sumber daripada portal www.e-solat.gov.my

Penguat kuasa siasat kes tuba udang galah di Sungai Kemaman

KEMAMAN - Laporan mengenai kegiatan menuba udang galah di Sungai Kemaman, Terengganu mendapat perhatian pihak berwajib yang turun padang menyiasat dakwaan tersebut.

Aktiviti itu yang dikatakan berlaku sejak sekian lama bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap ikan dan udang di dalam sungai tetapi ia mula mengganggu fisiologi tunting sungai.

Pengurus Projek Turtle Conservation Society of Malaysia (TCS), Dylan Wang berkata, pihaknya berterima kasih di atas kerjasama dan keprihatinan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu yang mengambil serius aduan berkenaan.

Menurutnya, sejak aduan dibuat, pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu turun padang beberapa kali bagi menyiasat dakwaan itu.

"Pihak TCS dan penduduk Kampung Pasir Gajah telah membawa pegawai-pegawai penguat kuasa untuk meronda dan memantau tebing-tebing persarungan tun-



Penguat kuasa Jabatan Perikanan Negeri Terengganu turun padang menyiasat dakwaan kes tuba di Sungai Kemaman.

tung di Sungai Kemaman.

"Selain itu, kita juga menunjukkan kawasan yang disyaki aktiviti tuba itu dilakukan untuk tindakan lanjut pihak mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Jelas Dylan, sejak kes tuba di kawasan Sungai Kemaman di Pasir Gajah dilaporkan, tiada lagi aktiviti sedemikian dikesan.

Bagaimanapun, pihaknya mendakwa kes tuba dilaporkan berlaku di Sungai Ibok, iaitu kira-kira lima kilometer dari kawasan itu.

"Kita sangat kesal dengan per-

buatan tidak bertanggungjawab ini. "Aktiviti menuba sungai bukan sahaja memberi kesan negatif kepada udang dan ikan yang menjadi sumber makanan kita, tetapi juga mengganggu penglihatan tunting sungai, lebih-lebih lagi sekarang musim persarungan mereka," katanya.

Sinar Harian pada Sabtu lalu menyiarkan laporan khas tentang aktiviti menuba udang galah di Sungai Kemaman yang memberi kesan negatif terhadap ikan dan udang di dalam sungai serta mula mengganggu fisiologi tunting sungai.

Kawal harga makanan ruminan

Mahu kerajaan campur tangan kerana peningkatan kos akibat kenaikan harga membebaskan mereka

SHAH ALAM

Golongan penternak memohon kerajaan mengawal harga makanan ruminan.

Rata-rata mereka berharap kerajaan dapat menyediakan pelan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi kemelut itu antaranya dengan menetapkan harga siling atau meletakkan ia sebagai barang kawalan.

Penternak dari SELANGOR, Nurul Azman Mydin Pitchay, 46, berkata, walaupun harga dedak naik namun peniaga tidak boleh menaikkan harga daging mentah berikutan bimbang dikenakan tindakan oleh kerajaan.

"Kalau kita suka-suka naikkan harga, kerajaan akan kompaun kita.

"Sekiranya harga bahan mentah dan daging naik, kami tidak mempunyai masalah. Ini harga bahan mentah naik tapi daging tak boleh. Macam mana kita nak berniaga," katanya.

Seorang penternak dari KEDAH, Hasrul Nizam Hashim, 35, berkata, kenaikan itu membebaskan golongan penternak yang terpaksa menanggung tambahan kos operasi terutama ketika ekonomi negara terjejas

akibat pandemik Covid-19.

"Harga makanan ruminan untuk lembu dan kambing terus mengalami kenaikan mendadak bermula November 2020. Sejak itu, telah beberapa kali mengalami kenaikan seolah-olah tiada kawalan," katanya.

Hasrul Nizam berkata, kenaikan harga untuk 50 kilogram/guni adalah dari RM47 pada November kepada RM49 dan terus meningkat kepada RM55 (Januari), RM57 (Februari) dan terkini RM60.

"Ini menyebabkan penternak terpaksa menanggung kos makanan ternakan yang tinggi, selain memberi implikasi terhadap harga daging mentah terutama ketika musim perayaan.

"Saya difahamkan, harga sekilogram daging di sesetengah tempat sudah dinaikkan sebanyak RM2 bagi menampung kos bahan mentah makanan ternakan," katanya.

Hasrul Nizam yang mengusahakan ladang ternakan di Tebengau, Kuala Kedah berharap kelulusan penternak akan membuka mata semua pihak untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka sekarang ini.

Menurutnya, sebagai alternatif untuk menjimatkan kos, dia mempelbagaikan makanan untuk ternakannya antaranya jerami padi dan rumput napier.

"Selain jerami yang saya kutip di belakang rumah, saya turut membeli jerami gulung dari Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA Sungai Limau. Pada musim kemarau



Mohd Azman di ladang ternakan kambingnya di Kulim.



Mohammad Khairul ketika menjual daging lembu segar.



Mohd Safid mengawal kawalan harga dedak menyebabkan penternak seperti terjejas.

amat sukar untuk memperoleh rumput, disebabkan itu saya tanam sendiri rumput napier sebagai alternatif makanan ternakan," katanya.

Di MELAKA, penternak lembu dan kambing di Solok Bukit Baru, Mohd Safid Afendi Shamsudin, 29, berkata, kerajaan perlu campur tangan bagi memastikan harga bekalan makanan haiwan ternakan ini tetap dan tidak terus melonjak naik.

"Sedangkan saya yang sudah beberapa tahun terlibat dalam bidang penternakan terasa kesannya akibat kenaikan harga dedak, inikan pula anak-anak muda yang baru berkecimpung.

"Paling kasihan ada yang menggunakan wang i-Sinar untuk menceburi bidang ini namun terpaksa menjual semula lembu mereka kerana tak sanggup nak terus mengalami kerugian," katanya.

Jelasnya, selain itu kos pe-

nyembelihan juga perlu dikaji semula kerana dianggap terlalu tinggi agar penternak tidak terus terbeban dengan kos sedemikian.

"Cuba bayangkan kos penyembelihan bagi seekor lembu sebanyak RM50, belum tambah dengan kos pengangkutan sebanyak RM50 lagi. Kami memang benar-benar terbeban," katanya.

Jenama

Di PAHANG, penternak dari Kampung Paya Keladan, Temerloh, Mohd Faizal Said, 39, memberitahu, harga dedak turut berbeza mengikut lokasi dan jenama pilihan masing-masing.

"Untuk produk SB dari Johor, harga terkini bagi satu beg seberat 50 kilogram (kg) ialah RM54 berbanding RM45 sebelum PKP.

"Oleh kerana harga SB semakin meningkat, saya mula menggunakan jenama PSJ dari Pulau Pinang kerana harganya sedikit murah tetapi nampaknya harga sekarang mencecah RM43 satu beg berbanding RM38 sebelum PKP," katanya.

Menurutnya, kenaikan harga dedak menyebabkan dia menggunakan alternatif lain sebagai sumber makanan lembunya dengan memilih jerami dan daun sawit dicampur dengan dedak untuk diberi kepada ternakannya.

Di NEGERI SEMBILAN, Timbalan Presiden Persatuan Usahawan Ruminan Negeri Sembilan, Mohammad Khairul Izwan Remli berkata, harga makanan ruminan perlu dikawal bagi memastikan tiada peniaga yang boleh menaikkan harga sesuka hati.

"Bayangkan jika harga makanan ruminan seperti dedak ini terus naik, bagaimana penternak mahu menjual daging mereka dengan harga yang murah, sedangkan barang asas ternakan semakin mahal.

"Apabila pengusaha ternakan dikenakan harga mahal, mereka terpaksa jual tinggi kepada pemborong, seterusnya penjual dan akhirnya pembeli juga yang akan mengeluh," katanya.

Kata Khairul, pihak berkaitan diharap dapat memantau perkara ini dan memberi perhatian dalam menangani masalah yang dihadapi oleh penternak dan pengusaha makanan ruminan ini.



Hasrul Nizam ketika memberi makan ternakannya di ladangnya.

PSR: Sagu hati tak setimpal kepayahan nelayan

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews@mediamula.com.my

BAYAN LEPAS: Pengumuman kerajaan negeri mengenai pembayaran sagu hati pertama kepada nelayan yang terlibat dengan projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) bermula hari ini disambut dengan reaksi berbeza daripada nelayan di kawasan Permatang Damar Laut di sini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, terdapat kumpulan nelayan bersetuju dengan pembayaran sagu hati berkenaan yang merupakan salah satu daripada pakej Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) manakala kumpulan lain pula tidak bersetuju.

Seorang tekong bot, **Hadith Sidek**, 58, berkata, jumlah sagu hati yang ditawarkan kepada tekong dan awak-awak dari unit Tahap 1 (Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbang



HADITH SIDEK

dan Gertak Sanggul) berjumlah RM20,000 dan RM12,960 masih tidak setimpal dengan kesukaran yang akan mereka hadapi.

Katanya, projek PSR itu akan mengambil masa yang lama untuk disiapkan dan nelayan perlu berdepan dengan pelbagai cabaran untuk meneruskan kerja di tengah laut yang sedang

ditambah.

"Jumlah sagu hati kepada nelayan di unit Tahap 1 patut ditingkatkan supaya setimpal dengan kehilangan sumber pendapatan yang akan kami hadapi.

"Memang tidak dinafikan jumlah RM20,000 ini agak rendah, kami rayu kerajaan negeri tingkatkan bayaran sagu hati khusus kepada nelayan di kawasan kami (Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbang dan Gertak Sanggul)," katanya ketika ditemui di Permatang Damar Laut, di sini semalam.

Kerajaan negeri akan membuat pembayaran sagu hati pertama kepada nelayan yang terlibat dengan projek tersebut bermula Rabu ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, bayaran bernilai RM500 itu akan dijalankan secara berkelompok kepada nelayan yang telah mendaftarkan maklumat mereka di Pusat

Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN).

Menurut Hadith, nelayan di kawasan Permatang Damar Laut dan Permatang Tepi Laut merupakan kelompok yang paling terjejas dengan projek PSR itu.

"Nelayan akan terima kesan sehingga enam ke lapan tahun selepas tambakan laut di Pulau A dijalankan, jadi sewajarnya jumlah sagu hati ditingkatkan," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi tekong bot, **Saaroni Hassan**, 71, berkata, dia berpuas hati dengan jumlah sagu hati berkenaan memandangkan kudratnya untuk keluar ke laut bagi mencari rezeki semakin terbatas.

"Jumlah ini kalau dicampur dengan tawaran bot serta enjin mencapai RM70,000, jadi agak berbaloi kepada nelayan kerana bot dan enjin yang ditawarkan jauh lebih bagus daripada apa yang kami ada sekarang," katanya.

MAIPs permudahkan urusan bayaran zakat pertanian

ARAU: Dalam memudahkan pesawah serta petani lain membayar zakat tanaman, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk tujuan tersebut.

Malah, kutipan zakat tanaman di negeri ini juga disifatkan baik dengan kutipan pada tahun 2019 mencatatkan sebanyak RM608,920 dan didapati meningkat pada tahun lalu iaitu sebanyak RM627,954.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs, Mohd Nazim Mohd. Noor memberitahu, petani boleh membuat pembayaran zakat tersebut kepada 102 amil kariah di masjid berdekatan di kawasan masing-masing, di kaunter MAIPs selain secara dalam talian sekali gus memudahkan urusan mereka menunaikan tanggungjawab tersebut.

Katanya, Perlis adalah negeri yang mengharuskan penolakan harga kos demi keadilan dan menjaga keutamaan petani.

"Dalam masa yang sama, harus diingat, zakat tanaman di Perlis bukan hanya padi, tetapi, melibatkan banyak tanaman lain seperti harumanis dan pelbagai lagi.

"Zakat pertanian ialah zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh manusia di atas tanah milik sendiri, sewa atau sebagainya, sama ada berbentuk biji-bijian dan buah-buahan tertentu sahaja atau dalam sebarang bentuk lain yang diusahakan oleh mereka", katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Mohd. Nazim, bagi tujuan pengiraan zakat yang dikenakan, kos keperluan sara hidup hanya ditolak bagi petani sepenuh masa.

Dulu hasil tinggi selepas tuai bayar zakat

KANGAR: Baru-baru ini, seorang pembaca *Utusan Malaysia* mengirimkan e-mel kepada wartawan selepas membaca rencana kolum *Cha Habaq Mai* yang disiarkan akhbar ini berkaitan masalah dihadapi pesawah apabila hasil merosot berikutan serangan penyakit.

Menariknya, pesara Felda itu melontarkan pandangan bahawa penyakit atau musuh yang menyerang tanaman padi yang diusahakan adalah petunjuk awal mengenai keingkaran pengusahanya kepada Allah SWT dan seterusnya menyeru agar pesawah kembali kepada asas Islam iaitu menyumbangkan zakat padi.

Berkongsi kepada *Utusan Malaysia*, warga emas, Dimat Kamis, 72, dari Kampung Syed Omar, Bintong di sini yang mengusahakan tanaman padi sejak tahun 1960-an mengakui bahawa pesawah pada zaman tanpa sebarang teknologi itu mampu menuai hasil yang banyak tanpa ada serangan penyakit seperti sekarang.

Malah, kewajipan menunaikan zakat padi yang tidak



DIMAT Kamis menunjukkan tempat simpanan padi atau dahulu dikenali sebagai jelapang padi yang digunakan pada zaman dulu Kampung Syed Omar, Bintong, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ

pemah diabaikan sejak dahulu membuatkan hati pesawah tersebut berasa tenang dan hasil yang dituai setiap musim itu juga agak memuaskan meskipun sejak akhir-akhir ini berdepan dengan kemerosotan.

Kata Dimat, pada zaman da-

hulu, para pesawah memberikan zakat padi sebanyak 16 gantang atau satu nali bagi setiap 160 gantang atau satu kunca hasil yang diperoleh.

"Dahulu, hasil yang diperoleh oleh kami sekitar empat kunca dengan zakat diberikan

pula sebanyak empat nali dan perkara tersebut diteruskan sehingga hari ini," katanya.

Tambah Dimat, ketika ini, zakat padi disumbangkan melalui wang tunai iaitu sekitar RM50 bagi pendapatan sehingga RM1,000.

Adun bantu pesawah dapat sumber air bawah tanah

BACHOK: Pesawah di sini mulai resah musim kemarau sekarang di mana sumber air ke sawah juga berkurangan, sedangkan pohon padi semakin membesar.

Bagi mengatasi masalah itu ramai petani di Kelantan menggunakan kaedah yang dipanggil 'bbewok' dengan menyedut air dari sungai atau

saliran ke dalam sawah padi. Air yang disedup menggunakan enjin berkuasa petrol. Kaedah tersebut popular digunakan petani bagi mengatasi masalah saliran air.

Adun Jelaawat Abdul Azziz Kadir berkata, banyak aduan mengenai masalah air untuk mengalir sawah

musim kemarau sekarang. "Kita turut memberi bantuan kepada petani menggunakan kaedah itu untuk memastikan masalah kekurangan air di sawah masing-masing tidak berlaku," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya langkah jangka pendek itu bagi menyelesaikan masalah kekurangan air bagi mengairi sawah padi.

Selain itu memohon peruntukan sebanyak RM20,000 bagi menyediakan peralatan untuk gerudi air 80 kaki di bawah tanah di lima kampung terlibat.

Menurutnya sebanyak lapan lokasi dikenal pasti untuk membina telaga gerudi (boring) termasuk Kampung Ketang, Kedai Abad, Kubang Bulat dan Gong Baru dan



Kerja-kerja mengerudi sumber air bawah tanah di Kampung Gong Baru Bachok.

empat di Paunchor.

Beliau berkata, masalah kekurangan air menyebabkan padi kurang hasil sehingga menyebabkan petani terpaksa menanggung kerugian.

"Jadi kita terpaksa boring di sembilan tempat

Sebanyak RM20,000 dimohon dengan kerajaan negeri, kalau tidak cukup lagi kita akan cari sumber bantuan lain.

"Sekarang kita serah kepada KEDA untuk berurusan dengan petani, jika timbul isu baluaru kita bantu dengan

kaedah tersebut," katanya.

Media sebelum ini melaporkan kira-kira 300 petani yang mengusahakan puluhan hektar tanaman padi di lima kampung di Gunung Berdepan kerugian apabila sawah kering kon- tang.

**Ejen Jualan Akhbar
Harakah dikehendaki.**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.03.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9



MOHD. Daud Abdul Salam menunjukkan jerami padi kering yang diberikan kepada ternakannya di Kampung Dewan Beta, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

Penternak terpaksa catu makanan

Oleh YATIMIN ABDULLAH
 utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Golongan penternak di negeri ini tidak menolak kemungkinan terpaksa 'mencatu' makanan haiwan peliharaan berikutan kenaikan harga dedak dan cuaca panas ketika ini.

Cuaca panas berterusan turut menyebabkan stok rumput segar ternakan berkurangan, sekaligus menyebabkan mereka diselubungi kebimbangan haiwan peliharaan kelaparan.

Seorang penternak, Mohd. Daud Abdul Salam, 36, berkata, kenaikan melambung harga

dedak menyebabkannya terpaksa menggantikan dedak dengan jerami padi yang dibeli dari Kedah.

Katanya, pembelian jerami adalah alternatif bagi mengelakkan ternakannya kelaparan.

"Walaupun harga dedak terus naik, lembu dan kambing tetap dijual pada tangga harga sama.

"Inilah situasi dan dilema yang terpaksa dihadapi para penternak," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Mohd. Daud memberitahu, melihat kepada senario yang semakin merisaukan para penternak, dia berharap kerajaan dapat

mengambil langkah segera untuk mengatasi masalah ini.

Katanya, selain masalah harga dan kemarau, situasi pandemik Covid-19 yang sedang melanda negara ini turut memberikan kesan kepada mereka.

Seorang lagi penternak, Mohd. Fakhirurozi Hassan, 33, berkata, dedak mula naik harga ketika kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu.

Katanya, harga dedak sebelum ini sekitar RM42 untuk satu guni dengan berat 50 kilogram, tetapi sekarang ia dijual pada harga RM51 untuk berat sama.

Dry days will yield better durians

Orchard owners taking care not to let flowers wilt if weather becomes too hot

By RENA LIM
rena@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Penang's durian season will be late this year but better quality fruits are expected when they start falling in May.

Tan Chee Keat, who owns orchards in Balik Pulau, Teluk Bahang and Teluk Kumbar, predicted that the durian season would run from May to August.

"The yield this year may come later but the fruit quality is expected to be a lot better than last year.

"This is because there was intermittent rain nearly every month last year but since December, we have seen very little rainfall.

"This helps to ensure that the durian pulp will come out thick and sticky, unlike previous years where the pulp was too moist," he said when met at his orchard in Balik Pulau.

Tan said despite the dry season, his worries were not over yet.

"Dry weather is generally good for durian trees but if the weather is too hot and dry, the flowers may wilt before pollination can happen.

"As such, we need to manually spray water over the trees in the morning to help the flowering and pollination process," he said.

Tan said since the dry weather was consistent throughout the state, orchard owners were expecting durians to fall en-masse.

"Previously, some areas may get rainfall, which delayed the flowering or fruiting process.

"This year, we expect fruits from different orchards to come into the market around the same time," he said.

Another durian orchard owner, Tan Hock Hoe, 43, also predicted a May durian season.

"But as the weather is too dry, it is hard to predict the yield as well as the prices for this year.

"For now, I believe a lot of orchard owners are experiencing the same thing," he said.

"We are seeing a lot of flower buds but whether we can see successful fruiting is another matter.

"This is because the weather has been really hot these days. If the flowers cannot pollinate and die off, it will definitely affect fruiting," he added.



Cool treat on a hot day: Durian farm owner Tan Chee Boon, 29, watering the durian trees at his farm in Balik Pulau. — CHAN BOON KAI/The Star

Mak Long Mart tumpu luar bandar

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM— Kedai serbaneka mesra pelanggan, Mak Long Mart bercadang untuk membuka dua cawangan baharu di kawasan luar bandar menjelang hujung tahun ini.

Prémis yang bakal dibuka di Kampung Tok Muda, Kapar dan Sijangkang itu turut menawarkan pelbagai barang basah segar, keperluan rumah dan dapur.

Pengurus Besarnya, Datin Hasnah Abd. Samad berkata, projek baharu ini bertujuan untuk membantu penduduk kampung termasuk golongan kurang berkemampuan membeli-belah dalam kedai serbaneka yang lengkap dengan pelbagai barangan keperluan dan ditawarkan pada harga berpatutan.

"Kami mahu memecahkan monopoli pihak tertentu dalam sektor runcit di kawasan kampung atau pendalaman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di cawangan sulung Mak Long Mart di Bandar Puncak Alam, dekat sini baru-baru ini.

Hasnah menjelaskan, pelaburan untuk membuka setiap cawangan baharu itu adalah kira-kira RM500,000 dengan menggunakan dana dalaman syarikat.



HASNAH (dua dari kanan) membantu memilih hasil laut segar di depan premis Mak Long Mart, di Puncak Alam baru-baru ini.

"Saya mengharapkan dua kedai serbaneka itu kelak menjadi pelengkap kepada industri peruncitan di kawasan berkenaan.

"Ia juga bakal menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk kampung terutama golongan belia," katanya.

Ditanya mengenai sambutan pelanggan sejak mula beroperasi pada Oktober tahun lalu, beliau berpuas hati terhadap penerimaan positif pelanggannya.

"Biarpun dihimpit musim pandemik Covid-19, kami bersyukur kerana masih menerima sambutan memberangsangkan sehingga ke hari ini," katanya.

Selain itu, Hasnah menjelaskan, kelainan Mak Long Mart adalah kerana promosi tawaran jualan ikan segar yang dibawa khusus dari Kuala Kedah, Kedah setiap hari Sabtu.

"Pelbagai jenis hasil laut dijual pada harga berpatutan.

"Lebih menarik, kami akan pelbagaikan promosi setiap minggu dengan memberi ikan siakap percuma atas pembelian lebih RM50, menjual ikan kembung serendah RM1 sekilogram dalam waktu terhad dan juga kini, menghadiahkan kurma kepada pembeli barangan lebih daripada RM50," ujarnya.

Tiga kontraktor kini jadi petani

JERANTUT – Kehilangan punca pendapatan akibat kekurangan perolehan tender dalam tempoh pandemik Covid-19 mendorong tiga kontraktor beralih kepada bidang pertanian.

Berbekalkan modal yang dikongsi bersama, Pengerusi Persatuan Kontraktor Jerantut, Zainul Ismail, 64, bersama dua rakannya, Ghani Sulaiman, 64, dan Maradzuan Abd. Ghani, 50 mengusahakan tanaman pisang, tebu, nanas dan sayur-sayuran di tanah milik mereka seluas 20 hektar.

"Pada awalnya memang ke-

kok tetapi lama-kelamaan berkat bantuan serta panduan daripada petani berjaya, kami mampu menerokai usaha baharu ini," katanya ketika ditemui di tapak Projek Pertanian Lembah Gelanggi, Kampung Bukit Rang, di sini semalam.

Menurut Zainul, mereka bersepakat merintis pembukaan Projek Pertanian Lembah Gelanggi bermula 26 Disember tahun lalu dan mula menanam pisang, tebu dan nanas pada awal bulan Januari lalu.

"Kami bersyukur kerana hasil tanaman berkenaan sudah boleh

dipungut bulan ini dan akan dipasarkan ke sekitar bandar Jerantut dan kawasan FELDA Kota Gelanggi yang mendapat permintaan tinggi," ujarnya.

Sementara itu, Ghani Sulaiman, 64, berkata, keputusan dibuat untuk menceburi bidang pertanian memberi ruang baharu kepada mereka untuk meningkatkan pendapatan.

"Bidang pertanian sememangnya amat berpotensi dan perlu diceburi kerana ia tidak terjejas walaupun berhadapan dengan pandemik Covid-19 berbanding bidang lain," ujarnya.



ZAINUL (gamba kecil) bersama dua rakannya mengusahakan tanaman pisang, tebu, nanas dan sayuran di atas tanah seluas 20 hektar di kawasan Projek Pertanian Lembah Gelanggi, Jerantut.



BOT jongkong yang ditahan selepas membawa lebih enam tan buah-buahan pelbagai jenis di perairan Pulau Sidam, Sandakan kelmarin.

Rampas enam tan buah seludup

TAWAU - Cubaan sebuah bot jongkong membawa masuk lebih enam tan buah-buahan pelbagai jenis dari negara jiran berjaya dipatahkan Pasukan Polis Marin (PPM) Tawau dalam Ops Jelora Khas di kawasan perairan Pulau Sidam kelmarin.

Rampasan pada pukul 6.15 petang itu melibatkan sebanyak 3,000 kilogram (kg) buah manga, avokado (2,000kg), buah naga (1,000kg) dan limau kasturi (400kg) yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM30,600.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Wilayah Empat Tawau, Deputy Superintendan Mohd. Nazari Ismail berkata, kejayaan itu hadir selepas sepasukan anggota Botronda PSC 14

mengesan kehadiran sebuah bot jongkong dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, pemeriksaan awal di dalam bot jongkong menemui berpuluh-puluh kotak kayu yang ditutup menggunakan karwas.

"Siasatan lanjut kemudian mendapati kotak kayu terbitit mengandungi buah-buahan yang cuba diseludup masuk dari Indonesia.

"Pemeriksaan ke atas juragan tempatan bersama pembantu-nya masing-masing berumur 20 dan 56 tahun mendapati mereka gagal untuk mengemukakan sebarang permit atau surat kebenaran daripada Jabatan Pertanian," katanya di sini semalam.

Jelas beliau, semua buah-buahan tersebut dipercayai untuk pasaran di sekitar daerah Tawau.

Menurut Mohd. Nazari, rampasan berkenaan adalah kejayaan kedua PPM Tawau selepas turut mematahkan cubaan penyeludupan buah-buahan jenis sama pada 16 Disember tahun lalu.

Tambahnya, aktiviti ini membawa masuk barang dagangan termasuklah buah-buahan tanpa permit import adalah satu kesalahan.

"Kedua-dua suspek kini ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Enakmen Peraturan Kuatran-Tumbuhan (Import dan Eksport) 1981," jelasnya.